

Wujudkan, segera sistem pengawalan Selat Melaka -Dr. M

U.M. 25 AUG 1992

KLJCHING 24 Ogos — Malaysia mahu satu sistem penjagaan dan pengawalan Selat Melaka diwujudkan segera bagi mengelak kemalangan daripada terus berlaku termasuk mengenakan bayaran ke atas kapal-kapal yang melalui selat itu.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika ini tidak dilakukan segera, beliau yakin kemalangan seperti yang berlaku awal pagi semalam akan berulang lagi.

Tegasnya, negara-negara yang kerap menggunakan Se-

**& Oleh —
Khalid Mohd.**

lat Melaka sudah tidak lagi boleh mengambil sikap lepas tangan dalam soal ini semata-mata kerana menganggap selat itu sebagai perairan antara-bangsa dan enggan mengeluarkan wang bagi menjaganya.

'Pelaksana'

Beliau berkata, Malaysia se-dia menjadi 'pelaksana' apa juga sistem yang diwujudkan bagi menjaga Selat Melaka.

"Saya cadangkan supaya satu jenis pembiayaan dibuat oleh syarikat-syarikat kapal atau negara yang kerap menggunakan Selat Melaka," katanya kepada para wartawan selepas melakukan upacara memecah tanah Sheraton Santubung Resort di Pantai Damai, 30 kilometer dari sini hari ini.

Dalam kemalangan pagi semalam, dua orang terbunuh manakala tujuh lagi cedera parah apabila kapal penumpang Greek, *MV Royal Pacific*

LIHAT MUKA 2

010-25 AUG 1974
WUJUDKAN SEGERA SISTEM
PENGAWALAN SELAT MELAKA

berlanggar dengan kapal pukat tunda Taiwan, *F.V. Te Fu* di perairan antarabangsa Selat Melaka kira-kira 15 batu nautikal ke selatan Tanjung Sepat.

Kapal penumpang itu kemudian tenggelam.

Dr. Mahathir, yang diminta mengulas kejadian itu berkata, Malaysia menghadapi masalah dalam soal ini kerana ia tidak mempunyai kuasa untuk menyelaras dan mengurus (*regulate*) perjalanan kapal di selat itu.

Beliau menarik perhatian, oleh kerana terlalu banyak kapal melalui Selat Melaka sekarang ini, kemungkinan kemalangan seperti yang berlaku semalam juga semakin bertambah besar.

Perdana Menteri kesal kerana negara-negara pengguna enggan melibatkan diri dalam sebarang bentuk sistem pengawalan selat itu, apa lagi membiayai penjagaan dan penyenggaraannya.

"Mengharap Malaysia menjaga selat itu, tetapi tidak mahu membiayainya adalah sesuatu yang tidak adil.

Jadi mangsa

"Kita dikehendaki menjaganya dan kalau jadi apa-apa kita juga yang jadi mangsa ... ini tidak adil. Orang yang menggunanyalah yang patut membiayai segala usaha untuk menjaga Selat Melaka," ujar beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, prinsip laluan perkapalan antarabangsa dibuat pada zaman dahulu di mana tidak ada kemungkinan berlaku perlanggaran kapal. Bagaimanapun keadaan hari ini sudah jauh berubah di mana laluan perkapalan antarabangsa perlu diawasi seperti yang dilakukan ke atas Terusan Suez dan Panama.

Pengawasan ini, katanya, adalah perlu untuk mengelak laluan kapal daripada rosak.

"Dalam keadaan tertentu kita perlu menyenggaranya, kalau cetek ia perlu dikorek. Jadi apakah negara-negara pengguna berharap Malaysia akan membelanjakan wang yang banyak menjaga Selat Melaka dan mereka cuma menggunanya secara percuma sahaja ... ini sungguh tidak adil," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri khawatir jika kemalangan di Selat Melaka melibatkan kapal minyak, sudah tentu akan berlaku tumpahan minyak yang akan merosakkan perairan negara dan menjejaskan sumber rezeki para nelayan.

Jika ini berlaku, katanya, negara-negara pengguna hendaklah bertanggungjawab.